

SUPP tidak bergabung dengan MCA, Gerakan, kata Peter Chin
Malaysian Insider
July 23 , 2013

Datuk Seri Peter Chin menegaskan pendirian betapa Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) tidak akan sama sekali bergabung dengan MCA dan Gerakan.

Presiden SUPP itu, berkata hasrat untuk bergabung tidak menjadi kenyataan kerana parti itu dan MCA serta Gerakan memiliki pendirian politik berbeza.

"Ada beberapa halangan jika bergabung dengan MCA dan Gerakan. Mereka adalah parti Cina sementara kita adalah parti berbilang kaum," katanya.

Beliau memberitahu portal berita Malaysiakini, mengakui pernah berjumpa dengan pemimpin MCA beberapa kali bagi membincangkan isu berkenaan.

"Kami hanya bercakap secara tidak rasmi. Kami tidak menerima apa-apa surat dari pemimpin MCA. Sejak perbincangan itu tidak rasmi, saya belum bawa perkara ini dengan jawatankuasa kerja pusat parti," katanya.

"Secara peribadi, sukar bergabung dengan MCA kerana ada banyak halangan. Ia menjadikannya mustahil. Bagaimanapun saya tidak menolak sebenarnya penggabungan antara parti menjadi lebih baik,"katanya.

Dalam pilihan raya Parlimen, SUPP hanya menang satu kerusi melalui Datuk Richard Riot yang kini Menteri Sumber Manusia.

Di Sarawak, SUPP mempunyai enam Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang terdiri daripada dua kaum Cina. – 23 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/supp-tidak-bergabung-dengan-mca-gerakan-kata-peter-chin>